



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 6 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	ZIARAH KASIH: NORAINI SERAH BANTUAN, HARAP RINGANKAN BEBAN SAMBUT AILDILFITRI	
	https://umno-online.my/2024/04/05/ziarah-kasih-noraini-serah-bantuan-harap-ringankan-beban-sambut-aildilitri/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JANGAN BERI DUIT PADA PENGEMIS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077443/jangan-beri-duit-pada-pengemis	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SANTUNI 150 IBU TUNGGAL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077546/santuni-150-ibu-tunggal	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=0DEd0NJRO5M	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	YAYASAN BANK RAKYAT HULUR SUMBANGAN RM3,000 KEPADA KANAK-KANAK DERITA KANSER LEUKEMIA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/yayasan-bank-rakyat-bantu-kanak-kanak-derita-kanser-leukemia/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	DERA ANAK ANGKAT, REMAJA GUNA SETERIKA, SUDU PANAS, SUAMI ISTERI DIBERKAS	
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/05/dera-anak-angkat-remaja-guna-seterika-sudu-panas-suami-isteri-diberkas/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WARGA EMAS MENGAJU TIDAK BERSALAH AMANG SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/05/warga-emas-mengaku-tidak-bersalah-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	REMAJA MENGAJU ROGOL ADIK KANDUNG	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1231879/remaja-mengaku-rogol-adik-kandung	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/remaja-lelaki-dituduh-rogol-adik-kandung/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/658345/berita/semasa/remaja-17-tahun-mengaku-salah-rogol-adik-kandung#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077458/abang-mengaku-rogol-adik-kandung	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-17-tahun-mengaku-salah-rogol-adik-kandung-465362	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/05/remaja-lelaki-mengaku-salah-cabul-adik-kandung/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	EMPAT REMAJA LELAKI DITUDUH LAKUKAN JENAYAH SEKSUAL TERHADAP BUDAK PEREMPUAN 12 TAHUN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077558/empat-remaja-lelaki-dituduh-lakukan-jenayah-seksual-terhadap-budak	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/empat-remaja-didakwa-rogol-amang-seksual-budak-perempuan-12-tahun/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/658382/berita/semasa/empat-remaja-termasuk-dua-berdik-didakwa-lakukan-jenayah-seksual	SINARHARIAN.COM.MY



Ziarah Kasih: Noraini Serah Bantuan, Harap Ringankan Beban Sambut Aildilfitri

5 April 2024 | Berita Lain | Berita Utama



HULU LANGAT, 5 April – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad telah menziarahi keluarga gelandangan yang pernah tular sebelum ini untuk memberikan sumbangan di samping mengharapkan ia dapat meringankan beban mereka bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO turut memaklumkan bahawa ini adalah ziarah susulan daripada lawatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebelum ini.



"Program ini adalah lawatan kami menziarah satu keluarga yang baru-baru ini telah tular menjadi getandangan di sekitar Bangi. Ini adalah lawatan susulan yang telah dilaksanakan oleh JKJ. JKJ telah membuat siasatan dan hasil daripada laporan tersebut, hari ini kami menziarah keluarga ini.

"Semasa lawatan ini, selain bantuan berbentuk kotak-kotak makanan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak, contohnya Squad Sayang 3K, Yayasan Kebajikan Negara dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kami juga telah memberikan bantuan dalam bentuk tunai.

"Tunai ini kita kumpulkan daripada ketiga-tiga badan ini, badan bukan kerajaan (NGO) dan juga daripada UKM serta JKJ. Kami

berharap ia dapat meringankan beban yang sedang dialami oleh keluarga berkenaan. Sebab kita pun dah nak raya, kita harap ia dapat bantu sedikit sebanyak," katanya kepada UMNO Online.

Selain itu, Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr Mohd Ekwam Toriman memaklumkan bahawa bantuan yang diberikan oleh institut pengajian tersebut adalah hasil daripada pusat zakat.



"Alhamdulillah, hari ini UKM kerjasama dengan Datuk Seri Dr Noraini yang menghubungi kami untuk membantu sebuah keluarga. Apa yang telah kami lakukan adalah memberi bantuan melalui pusat zakat yang sentiasa bersedia untuk membantu keluarga asnaf dan kurang berkemampuan terutamanya keluarga B40.

"Kami telah berjaya memberikan tunai kepada pihak kementerian untuk disumbangkan. Ia adalah hasil zakat dan berjumlah RM1,000. Begitu juga dengan bakul makanan, sumbangan dalam itu semua ialah peralatan dan makanan asas yang telah pun kita sediakan dan boleh *mobile* at any time.

"Harapan kami dengan sedikit sumbangan ini boleh mengurangkan beban keluarga tersebut dan juga membantu pihak kerajaan, especially dalam keadaan sekarang ini.. apabila ramai umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri, ia dapat mengurangkan sedikit beban. Sekiranya ada apa-apa lagi yang boleh universiti bantu, insya-Allah kita akan bantu sedaya upaya kita," katanya kepada UMNO Online.

Dalam pada itu, Pengarah JKJ Negeri Selangor, Azmir Kassim yakin bahawa dengan sokongan daripada banyak pihak, keluarga tersebut akan dapat kembali menjalani hidup mereka seperti sediakala.

"Hari ini kita buat lawatan untuk melihat, selain daripada bantuan yang Datuk Seri Dr Noraini sudah serahkan tadi, kita juga ingin melihat untuk membantu anak-anak kepada klien berkenaan. Kita dapati ada dua, tiga orang anak mereka yang tidak mempunyai dokumen seperti surat beranak dan sebagainya.

"Jadi, kita akan membantu anak-anak tersebut untuk mendaftarkan diri Jabatan Pendaftaran Negara untuk proses surat beranak. Keduanya, kita akan melihat dari segi persekolahan mereka pula. Daripada perbualan tadi, kita dapat tahu bahawa mereka tidak bersekolah. Jadi, kita akan berhubung dengan Jabatan Pendidikan Daerah di sini untuk memastikan mereka dapat kita masuk ke sekolah.



"Bagi saya apa yang penting adalah keluarga itu perlu mempunyai fokus untuk berubah sikap dulu dan daripada situ banyak pihak yang boleh membantu sekiranya kita ingin mengubah nanti hidup kita. Saya yakin dengan sokongan daripada banyak pihak, kita mampu untuk bawa perubahan kepada keluarga tersebut," katanya kepada UMNO Online.



Sebelum ini media melaporkan lima kanak-kanak berusia tiga hingga 11 tahun terpaksa melalui kepayahan hidup sebagai getandangan dengan tinggal di merata tempat sejak hampir tiga minggu lalu.

Kanak-kanak berkenaan bersama ibu dan bapanya, bukan saja perlu menumpang di rumah saudara mara, malah pernah berteduh di kaki lima.

Situasi sukar dihadapi keluarga itu dikongsi Pasukan Operasi Agihan Daerah Hulu Langat Lembaga Zakat Selangor, yang menjalankan tinjauan dan operasi bagi menyejaki keluarga berkenaan di sekitar Bandar Baru Bangi di Selangor baru-baru ini - UMNO Online

Jangan beri duit pada pengemis

Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my



WANITA pemegang kad UNHCR bersama anak lelakinya antara yang dikenal pasti mengemis di bazar Ramadan di Lebu Queen, di sini, ketika operasi oleh JKM Daerah Timur Laut. FOTO Zuhainy Zulkiffli.

Georgetown: Masyarakat ditegah memberi wang kepada golongan pengemis dan gelandangan di sekitar bandar raya bagi mengelak tertipu kerana kebanyakan mereka sebenarnya bukan terdiri daripada orang susah.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Timur Laut Jamuna Naidu Nesen berkata, kebanyakan mereka adalah pengemis berulang yang biasanya membawa kanak-kanak bagi meraih simpati.

"Malah, mereka juga bukan tinggal di daerah Timur Laut tetapi ada yang dikesan datang dari Kedah dan Kelantan untuk mengemis.

"Sikap pemurah masyarakat serta mudah simpati kepada pengemis dan gelandangan menyebabkan golongan itu kembali meminta sedekah di sekitar kawasan bandar raya," katanya selepas operasi membasmi pengemis yang di Lebu Queen, di sini, semalam.

Operasi itu dilakukan susulan laporan Harian Metro, semalam mengenai bazar Ramadan berkenaan yang menjadi 'lubuk' pengemis warga asing.

Jamuna berkata, operasi membasmi pengemis dilakukan di enam bazar Ramadan sekitar daerah Timur Laut yang juga lokasi panas iaitu di Kampung Melayu, Taman Nusantara, Prangin Mall, Lebu Queen, Tanjung Tokong dan Taman Tun Sardon.

Katanya, dalam operasi itu, seramai sembilan pengemis yang terdiri daripada tujuh pemegang kad UNHCR dan dua warga tempatan diberi amaran serta diminta beredar dengan segera manakala sebahagian lagi melarikan diri sebaik menyedari operasi.

"Tugas menyelamatkan pengemis dan gelandangan bukan sepenuhnya di bawah bidang kuasa JKM tetapi memabitkan pelbagai agensi.

"Di negeri ini, kita ada Pusat Transit Gelandangan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang mengurus bantuan atau sumbangan kepada golongan terbabit dengan wajar," katanya.

Sementara itu, antara pengemis yang dikenal pasti ketika operasi itu ialah wanita pemegang kad UNHCR bersama anak lelakinya berusia enam tahun.

Dia mendakwa sudah 10 tahun menetap di Malaysia dan terpaksa mengemis di sekitar Pulau Pinang sejak kematian suami empat tahun lalu, bagi membayar sewa rumah sebanyak RM300 sebulan.

Wanita terbabit mendakwa menaiki bas dan feri bot laju dari Butterworth, kemudian sanggup berjalan di bawah terik matahari sejauh lebih satu kilometer ke bazar Ramadan berkenaan semata-mata mahu mengemis.

Setiap hari sepanjang Ramadan, dia dan anak tunggalnya itu meraih 'pendapatan' melebihi RM200 dalam tempoh tiga jam mengemis sebelum pulang semula ke Butterworth pada jam 7 petang.


Ketika maklumat diambil oleh kakitangan JKM, wanita itu berpura-pura tidak faham dan tidak tahu berbahasa Melayu.

Namun ketika diberitahu bahawa anaknya akan ditempatkan di rumah kebajikan jika mereka enggan beredar, wanita terbabit merayu dengan pertuturan Bahasa Melayu yang fasih serta berjanji tidak mengemis lagi.

Sementara itu, seorang lagi lelaki warga tempatan berusia 40 tahun yang sering diperiksa JKM sejak 2008 mengakui mengemis sudah menjadi tabiatnya dan jalan mudah bagi mendapatkan wang.

Bermula di Lorong Kulit, dia mendakwa 'kerjayanya' kini tertumpu di sekitar bandar raya dan dia adalah penerima bantuan JKM sebanyak RM300 sebulan berstatus orang kurang upaya (OKU) fizikal.

Difahamkan selepas beredar, kebanyakan pengemis akan kembali semula ke lokasi itu keesokan hari bagi meminta sedekah dan ia adalah situasi biasa berlaku setiap kali JKM melakukan operasi.



Santuni 150 ibu tunggal

Suliaty Asri
suliaty@hmetro.com.my



SAFI mahukan ibu tunggal sentiasa mempunyai keyakinan diri.

Kuala Lumpur: Buat julung kali, Harian Metro bekerjasama dengan jenama produk penjagaan kulit dan diri halal terkemuka, SAFI menyantuni 150 ibu tunggal di sekitar Lembah Klang menerusi Program Titipan Kasih Ramadan Harian Metro Bersama Safi.

Berlangsung di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Bandar Tun Razak, mereka tidak hanya dirai pada majlis berbuka puasa tetapi turut menerima sumbangan kotak rezeki berupa barangan penjagaan diri.

Sumbangan itu sebagai tanda keprihatinan kepada golongan ini untuk tampil lebih berkeyakinan dan memperkasakan jati diri.

Pengarang Kumpulan Harian Metro Merangkap Pengerusi Projek Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) Husain Jahit berkata Harian Metro merasa amat berbesar hati dapat menjalinkan kerjasama strategik dengan SAFI dalam menyantuni golongan ibu tunggal sempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

"Sebagai rakan media, jalinan kerjasama ini adalah salah satu bukti keprihatinan Harian Metro untuk sama-sama turun padang mendekati golongan ibu tunggal dan menghulurkan bantuan yang diperlukan," katanya.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pengurus Hal Ehwal Korporat dan Kawalselia SAFI, Rozaina Mahmud, Ahli Dermatologi, Dr Syairah Nadia Mohamad dan Pengurus Jaminan Kualiti SAFI, Haniza Md Sahar.

Turut hadir Pengarang Eksekutif (Kandungan) Harian Metro, Muhammad Safar Ahmad dan Pengarang Berita Kanan Harian Metro merangkap Pengarah Projek TKHM, Noor Azam Ab Aziz.

Sementara itu, Rozaina berkata pihak SAFI berbesar hati menghulurkan sumbangan kotak rezeki berupa produk kecantikan dan penjagaan SAFI kepada seramai 150 ibu tunggal ini.

Katanya, program ini adalah usaha untuk terus memperkasakan wanita khususnya ibu tunggal agar mereka tidak teras terpinggir dan terbeban dalam mengharungi kehidupan seharian.

"SAFI mahukan golongan ibu tunggal sentiasa mempunyai keyakinan diri dalam melaksanakan tugas harian di tempat kerja dan sentiasa berkepercayaan dalam apa-apa jua keadaan.

"Dengan adanya keyakinan diri yang tinggi, mereka akan lebih terbuka kepada peluang yang lebih baik," katanya.

Rozaina berkata, SAFI juga sentiasa menitikberatkan nilai keberdayaan wanita Malaysia.


"Ini dapat dizahirkan dengan pelbagai rangkaian produk SAFI yang diformulasi khas untuk wanita Malaysia agar sentiasa mempunyai keterampilan diri yang positif.

"Hasil dari menggunakan produk SAFI, kami melihat wanita ini mampu memberikan yang terbaik dalam setiap perkara yang dilakukan.

"Di SAFI, kecantikan wanita bukan hanya pada luaran semata-mata tetapi yang penting ialah kecantikan keperibadian mereka," katanya.

Antara produk yang dihasilkan di bawah jenama terkenal SAFI terdiri daripada siri penjagaan kulit, ubat gigi, talkum, syampu, lulur mandi, losyen tangan dan badan, kosmetik, wangian, rangkaian dandan rambut untuk lelaki, pembersih peribadi wanita serta terbaharu rangkaian penjagaan bayi.

Kesemua rangkaian produk berkenaan diperbuat daripada bahan semula jadi yang terpilih, berkualiti serta halal.



Yayasan Bank Rakyat hulur sumbangan RM3,000 kepada kanak-kanak derita kanser leukemia



ANTARA pihak Yayasan Bank Rakyat yang menyantuni dan melihat sendiri keadaan Nur Alish Umairah yang menderit penyakit kanser leukemia di Kempas, Johor Bahru, hari ini.

PETALING JAYA: Yayasan Bank Rakyat (YBR) menyampaikan sumbangan RM3,000 untuk anak kepada seorang buruh, Nur Alish Umairah, 5, yang menderita penyakit kanser leukemia sejak Julai tahun lalu di Kempas, Johor Bahru, hari ini.

Pengurus Besar YBR, Syaiful Rizal Abdul Ghani berkata, beliau terpenggil menyantuni sendiri dan melihat keadaan anak kepada seorang pekerja kontrak, Mohd. Romzan Ramli, 44.

"Suasana lebih memilukan apabila mendengar luahan ibu bapa anak ini yang memaklumkan pernah terputus bekalan makanan dan terpaksa meminta bantuan jiran tetangga untuk membeli beras.

"Bantuan ini amat kecil nilainya tetapi diharap ia sedikit sebanyak dapat membantu keluarga mereka yang terhimpit masalah kewangan dalam meneruskan kehidupan serta membiayai kos rawatan dan ubat-ubatan bulanan sementara waktu yang dianggarkan RM200 setiap bulan," katanya dalam kenyataan.

Pada tahun lalu, YBR memperuntukkan sebanyak RM320,000.00 bagi pemberian sumbangan dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik serta tujuan meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi penerima melalui pembangunan pendidikan, pemerkasaan masyarakat serta bantuan penjagaan kesihatan.

Sementara itu, Mohd. Romzan berharap orang ramai membantunya meneruskan rawatan untuk anaknya yang terpaksa berulang alik ke Hospital Sultan Ismail.

"Saya hanya pekerja kontrak yang berpendapatan RM1,000 sebulan, manakala isteri hanyalah suri rumah sepenuh masa dan baru sahaja melahirkan anak yang berusia sebulan.

"Sejak mengetahui anak sakit, sumber kewangan kami tidak mencukupi dan anak sulung terpaksa berhenti sekolah sebelum ini kerana membantu menjaga adik yang berusia dua tahun ketika saya berada di hospital."

Orang ramai yang mahu menghulur bantuan kepada Nur Alish Umairah boleh menyalurkan bantuan ke akaun Maybank 151623064684 atas nama Mohd. Romzan Ramli (Bapa) atau menghubungi beliau di talian 011-24410632. – [UTUSAN](#)



TAJUK : KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN SOSIAL SARAWAK AKAN DIBENTANG

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 6 APR 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kajian indeks kesejahteraan sosial Sarawak akan dibentang

Fatimah gembira dengan keputusan kajian dilaksana tahun lepas

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti akan membentangkan kajian indeks kesejahteraan sosial kepada kabinet dalam masa terdekat.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, kajian indeks kesejahteraan sosial Sarawak itu telah dilakukan pada tahun lepas.

“Tidak lama lagi, kita akan bentangkan di kabinet tentang kajian yang telah kita lakukan pada tahun lepas iaitu indeks kesejahteraan sosial di Sarawak.

“Saya berasa gembira dengan keputusan (kajian) indeks kesejahteraan sosial ini. Kami mendapati bahawa ia ada peningkatan berbanding dengan 2019,” ujarnya.



TANDA PENGHARGAAN: Fatimah (tengah) menerima cenderamata Jennifer semasa kunjungan tersebut.

“Saya berasa gembira dengan keputusan (kajian) indeks kesejahteraan sosial ini. Kami mendapati bahawa ia ada peningkatan berbanding dengan 2019.”

Dato Sri Fatimah Abdullah

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menerima kunjungan daripada pengusaha Convenience Store dan Brand Dalat Foods Jennifer Lim di pejabatnya di sini, semalam.

Menurut Fatimah, peningkatan indeks itu menun-

jukkan Sarawak berada di landasan yang betul dari segi ekonomi dan sosial.

“Saya juga melihat pada tahun 2019, warga emas antara yang paling gembira (sejahtera) di Sarawak.

“Kita berharap usaha seperti Kenyalang Gold Card

(KGC) mendapat sokongan daripada badan korporat dan swasta untuk menawarkan diskaun kepada warga emas,” katanya.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak 500 vendor rakan kerjasama di bawah KGC di seluruh Sarawak yang memberi diskaun kepada pemegang kad.

Mengenai pengusaha Convenience Store dan Brand Dalat Foods, Fatimah berkata beliau amat bangga kerana anak Sarawak khususnya dari Dalat itu berjaya membuka kedai serbanekanya di lima lapangan terbang di negeri ini iaitu Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuching, Lapangan Terbang Miri, Sibul, Bintulu dan Mukah yang menjual pelbagai kategori makanan.

“Malah beliau telah memasarkan produk dari Dalat seperti sagu, tebaloi, keropok dan sebagainya. Kita bangga dengan kejayaan beliau ini yang datang dari kawasan luar bandar,” katanya.

Fatimah berharap kejayaan Lim itu akan menjadi inspirasi kepada semua bukan sahaja kejayaan perniagaannya, tetapi dari segi bantuan kebajikan yang dihulurkannya kepada yang memerlukan.



TAJUK :	POLICE ARREST COUPLE IN SABAH ON SUSPICION OF ABUSING TWO BOYS		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	6 APR 2024	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

SEVERE BURN MARKS ON BOTH

Police arrest couple in Sabah on suspicion of abusing two boys

KENINGAU: Police have arrested a couple suspected of subjecting two boys to abuse, including using an iron, iron rod, hot spoon and scalding water, resulting in injuries and severe burns on their bodies.

Superintendent Yampil Anak Garai, Keningau district police chief, said the incident came to

light when a 27-year-old man encountered a 13-year-old boy selling burgers at a local establishment in the area around noon on March 2.

The man became suspicious when he observed injuries on the child's body, resembling those inflicted by a hot iron.

"Recognising the signs of pos-

sible abuse, he promptly lodged a police report, leading to the arrest of both suspects, a 27-year-old man and his 36-year-old wife.

Both of them, who were burger sellers at their rented residence, were detained in Keningau town later that evening," he said yesterday.


Further investigation found that another boy, 5, had similarly fallen victim to abuse by the suspects.

The older boy is the stepson of the woman, while the younger child is adopted.

Yampil said investigations revealed that the abuse occurred at the suspects' rented house

between March 24 and 30.

The couple allegedly told police that the older boy had deceived them in the sale of burgers, while the younger child was slow in removing his diapers. Police said both suspects were found to have prior criminal records related to drug offences.



TAJUK : DUA BUDAK CEDERA, DISYAKI KENA DERA GUNA SETERIKA, BATANG BESI

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 6 APR 2024

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK M

Dua budak cedera disyaki kena dera guna seterika, batang besi

Polis tahan pasangan suami isteri untuk bantu siasatan

Oleh Juwan Riduan
bhnews@bh.com.my

Keningau: Kes penderaan dua kanak-kanak lelaki berusia lima dan 13 tahun terbongkar setelah penderitaan mereka disedari seorang lelaki apabila didatangi seorang mangsa yang menjual burger di sebuah premis di daerah ini pada 2 Mac lalu.

Susulan laporan dibuat lelaki berusia 27 tahun itu, polis kelmarin menahan pasangan suami isteri selepas disyaki mendera dua kanak-kanak berkenaan se-

jak bulan lalu.

Kedua-dua mangsa didakwa didera menggunakan seterika, batang besi, sudu panas dan air panas hingga menyebabkan badan luka dan melecur.

Ketua Polis Daerah Keningau, Superintendent Yampil Anak Garai, berkata lelaki itu menyedari terdapat kesan luka seperti kesan terkena seterika pada badan kanak-kanak terbabit disyaki didera.

"Menyedari keadaan mangsa seperti didera, dia kemudian membuat laporan polis sebelum kedua-dua suspek suami isteri berusia 27 dan 36 tahun ditahan di rumah sewa mereka di pekan Keningau, petang tadi (kelmarin).

"Hasil siasatan mendapati kedua-dua suspek adalah peniaga burger," katanya ketika dihubungi, semalam.

Yampil berkata, siasatan lanjut turut mendapati seorang lagi mangsa lelaki berusia lima ta-

“Mangsa berusia 13 tahun itu anak tiri kepada suspek wanita. Kedua-dua mangsa tiada sebarang talian persaudaraan dan dipelihara suspek, manakala mangsa berusia lima tahun adalah anak angkat kedua-dua suspek”



Yampil Anak Garai,
Ketua Polis Daerah Keningau

hun turut didera kedua-dua suspek.

"Mangsa berusia 13 tahun itu anak tiri kepada suspek wanita. Kedua-dua mangsa tiada sebarang talian persaudaraan dan dipelihara oleh kedua-dua suspek, manakala mangsa berusia lima tahun adalah anak angkat kedua-dua suspek," katanya.

Berlaku di rumah sewa

Yampil berkata, siasatan mendapati kejadian dera itu dipercayai berlaku di rumah sewa suspek antara 24 Mac hingga 30 Mac lalu.

"Mangsa berusia 13 tahun dipercayai didera menggunakan seterika beberapa kali pada bahagian depan dan belakang badan kerana terdapat kesan melecur yang sudah hampir kering. Kejadian itu dilakukan suspek kerana mendakwa mangsa menipu menghabiskan jualan burger.

"Selain itu, mangsa turut di-

pukul menggunakan kayu dan batang besi pada belakang badan, manakala mangsa berusia lima tahun disiram menggunakan air panas di atas lantai.

"Mangsa juga dipaksa berdiri atas air panas hingga kedua-dua kakinya melecur. Selain itu mangsa turut dipukul menggunakan besi di bahagian belakang badannya.

"Mangsa turut ditekap seterika oleh suspek wanita pada bahagian kiri dan kanan tangan serta belakang badan hanya kerana lambat membuka lampin pakai buang ketika bangun tidur," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua suspek juga didapati mempunyai kes jenayah lampau berkait dadah.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan kedua-dua suspek ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.



TAJUK : MELECUR TERUK KENA SETERIKA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 APR 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

BUDAK 5 TAHUN, REMAJA 13 TAHUN DIDERA

MELECUR TERUK KENA SETERIKA

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

Keningau

Polis menahan pasangan suami isteri selepas disyaki mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia lima dan seorang remaja berusia 13 tahun sejak Mac lalu.

Kedua-dua mangsa didera menggunakan seterika, batang besi, sudu panas dan air panas hingga badan luka dan melecur.

Ketua Polis Daerah Keningau, Superintendent Yampil Anak Garai berkata, kejadian itu disedari oleh seorang lelaki berusia 27 tahun ketika didatangi remaja itu yang menjual burger di sebuah premis di

daerah ini jam 12 tengah hari pada 2 April lalu.

Katanya, lelaki itu menyedari kesan luka seperti kesan terkena seterika pada badan remaja terbahit disyaki didera.

"Menyedari keadaan mangsa, dia kemudian membuat laporan polis sebelum kedua-dua suspek suami isteri berusia 27 dan 36 tahun ditahan ditahan di rumah sewa mereka di pekan Keningau, petang Khamis.

"Hasil siasatan mendapati kedua-dua suspek adalah peniaga burger," katanya.

Menurutnya, siasatan lanjut mendapati kanak-kanak turut didera oleh kedua-dua suspek.

"Mangsa berusia 13 tahun itu adalah anak tiri kepada suspek wanita.

Kedua-dua mangsa tiada sebarang talian persaudaraan dan dipelihara oleh kedua-dua suspek.

"Manakala mangsa berusia lima tahun adalah anak angkat kedua-dua suspek," katanya.

Yampil berkata, siasatan mendapati kejadian dera itu berlaku di rumah sewa suspek antara 24 Mac 2024 hingga 30 Mac 2024.

"Mangsa berusia 13 tahun didera menggunakan seterika beberapa kali pada bahagian depan dan belakang badan kerana terdapat kesan melecur yang sudah hampir kering.

"Kejadian itu dilakukan suspek kerana mendakwa mangsa menipu menghabiskan jualan burger.

"Selain itu, mangsa turut dipukul menggunakan kayu dan batang besi pada belakang badan manakala mangsa berusia lima tahun disiram menggunakan air panas di atas lantai.

"Mangsa juga dipaksa berdiri di atas air panas hingga kedua-dua kakinya melecur. Selain itu mangsa turut dipukul menggunakan besi di bahagian belakang badannya," katanya.

“
Mangsa dipaksa berdiri di atas air panas hingga kaki melecur
Yampil



KEADAAN badan kedua-dua mangsa berusia lima dan 13 tahun yang cedera teruk dipercayai akibat didera pasangan suami isteri sejak Mac lalu.



Dera anak angkat, remaja guna seterika, sudu panas, suami isteri diberkas

Oleh IWAN AMIRUL 5 April 2024, 9:05 am



Remaja lelaki yang menjadi mangsa dera pasangan suami isteri di Keningau.

KENINGAU – Sepasang suami isteri ditahan selepas dipercayai melakukan penderaan ke atas kanak-kanak dan remaja lelaki masing-masing berusia lima dan 13 tahun.

Kedua-dua suspek disyaki mendera dua mangsa malang berkenaan sejak bulan lalu menggunakan seterika, batang besi, sudu panas dan air panas hingga menyebabkan luka dan melecur pada anggota badan.

Ketua Polis Daerah Keningau, Superintendan Yampil Anak Garai berkata, kejadian disedari oleh seorang lelaki berusia 27 tahun ketika datangi salah mangsa remaja tersebut yang menjual burger di sebuah premis di daerah sama kira-kira pukul 12 tengah hari pada 2 April lalu.

"Lelaki terbabit menyedari terdapat kesan luka seperti kesan terkena seterika pada badan remaja itu disyaki didera sebelum bertindak membuat laporan polis.

"Kedua-dua suspek suami isteri berusia 27 dan 36 tahun seterusnya ditahan di rumah sewa mereka di pekan Keningau pada petang semalam dan hasil siasatan mendapati semua suspek adalah peniaga burger.

"Siasatan lanjut turut mendapati seorang lagi mangsa kanak-kanak lelaki lima tahun turut didera oleh kedua-dua suspek," katanya ketika dihubungi hari ini.



Kanak-kanak lelaki berusia lima tahun yang menjadi mangsa dera pasangan suami isteri di Keningau.

Mengulas lanjut, Yampil memaklumkan kedua-dua mangsa tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dan hanya dipelihara oleh pasangan itu.

"Mangsa berusia 13 tahun adalah anak tiri kepada suspek wanita dan mangsa dijaga oleh suspek. Kanak-kanak berusia lima tahun adalah anak angkat kedua-dua suspek. Siasatan mendapati kejadian dera itu berlaku di rumah sewa suspek antara 24 Mac hingga 30 Mac lalu.

"Mangsa berusia 13 tahun didera menggunakan seterika beberapa kali pada bahagian depan dan belakang badan kerana terdapat kesan melecur yang sudah hampir kering selain dipukul dengan kayu dan batang besi pada badan.

"Kejadian itu dilakukan suspek kerana mendakwa mangsa menipu menghabiskan jualan burger," katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak berusia lima tahun pula dipaksa berdiri di atas air panas hingga kedua-dua kakinya melecur selain dipukul menggunakan besi di bahagian belakang badan.

"Mangsa kemudiannya ditangkap dengan seterika oleh suspek wanita pada bahagian kiri dan kanan tangan serta belakang badan hanya kerana lambat membuka lampin pakai buang ketika bangun tidur," katanya.

Sementara itu, Yampil menyatakan kedua-dua suspek juga didapati mempunyai kes jenayah lampau berkait dadah. – KOSMO! ONLINE



TAJUK :	WARGA EMAS MENGAKU TIDAK BERSALAH DUA TUDUHAN AMANG SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	6 APR 2024	M/SURAT :	01&02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



MENGAKU TIDAK BERSALAH: Tertuduh (tengah) diiring polis dan Mohammad Asfia (kanan) semasa berada di lobi Mahkamah Kuching, semalam.

Warga emas mengaku tidak bersalah dua tuduhan amang seksual terhadap kanak-kanak

KUCHING: Seorang lelaki warga emas berusia 60 tahun mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak berusia 14 tahun, di Bau.

Hakim Iris Awen Jon memerintahkan tertuduh untuk dibebaskan dengan ikat jamin tunai RM8,000 berserta dua penjamin tempatan bagi kedua-dua pertuduhan pindaan yang dihadapinya.

Iris juga menetapkan 6 Mei 2024 untuk pengurusan kes, selain memerintahkan tertuduh untuk melaporkan diri di Balai Polis Bau sekali sebulan sehingga kes selesai.

Tertuduh juga diarahkan untuk tidak mendekati mangsa mahupun keluarga mangsa sepanjang kes berlangsung dan kegagalan mematuhi arahan itu akan menyebabkan ikat jamin dibatalkan.

Kedua-dua pertuduhan pindaan itu dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh disebat.

◆ [Lihat Muka 2](#)

Warga emas mengaku tidak bersalah dua tuduhan amang seksual terhadap kanak-kanak

► Dari Muka 1

Mengikut kedua-dua pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan serangan seksual fizikal terhadap mangsa dengan cara menyentuh payudara dan mencium pipi mangsa untuk tujuan seksual.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya dalam dua kejadian berasingan iaitu pada 22 dan 25 Mac 2024, masing-masing sekitar jam 10.20 dan 10.28 pagi di sebuah rumah di Jalan Tasik Biru di Bau.

Difahamkan, datuk mangsa mengupah tertuduh untuk mengambil mangsa dari rumah dan menghantarnya ke sekolah bermula 19 Mac 2024.

Selain itu difahamkan, laporan polis dibuat oleh mangsa sendiri setelah kejadian itu berlaku.

Pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian dan kes disiasat Sarjan Mohammad Asfia Ilias.

Tertuduh yang bekerja sebagai peniaga air itu diwakili peguam Alex Kong.

Warga emas mengaku tidak bersalah amang seksual terhadap kanak-kanak

© 2024-04-05T16:45:59+08:00



Tertuduh (tengah) diiring polis dan Mohammad Asfia (kanan) semasa berada di lobi Mahkamah Kuching, hari ini.

KUCHING: Seorang lelaki warga emas berusia 60 tahun mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen hari ini atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak berusia 14 tahun, di Bau.

Hakim Iris Awen Jon memerintahkan tertuduh untuk dibebaskan dengan ikat jamin tunai RM8,000 berserta dua penjamin tempatan bagi kedua-dua pertuduhan pindaan yang dihadapinya.

Iris juga menetapkan 6 Mei 2024 untuk pengurusan kes, selain memerintahkan tertuduh untuk melaporkan diri di Balai Polis Bau sekali sebulan sehingga kes selesai.

Tertuduh juga diarahkan untuk tidak mendekati mangsa mahupun keluarga mangsa sepanjang kes berlangsung dan kegagalan mematuhi arahan itu akan menyebabkan ikat jamin dibatalkan.

Kedua-dua pertuduhan pindaan itu dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh disabit.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan serangan seksual fizikal terhadap mangsa dengan cara menyentuh payudara dan mencium pipi mangsa untuk tujuan seksual.


Kesalahan itu didakwa dilakukannya dalam dua kejadian berasingan iaitu pada 22 dan 25 Mac 2024, masing-masing sekitar jam 10.20 dan 10.28 pagi di sebuah rumah di Jalan Tasik Biru di Bau.

Difahamkan, datuk mangsa mengupah tertuduh untuk mengambil mangsa dari rumah dan menghantarnya ke sekolah bermula 19 Mac 2024.

Selain itu difahamkan, laporan polis dibuat oleh mangsa sendiri setelah kejadian itu berlaku.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian dan kes disiasat Sarjan Mohammad Asfia Ilias.

Tertuduh yang bekerja sebagai peniaga air itu diwakili peguam Alex Kong.



TAJUK : ABANG TERJAHAT!

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 APR 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
am@hmetro.com.my

Tampin

Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan merogol adik kandung perempuannya di Gemas pada Februari lalu.

Tertuduh membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Kartini Kasran.

Berdasarkan pertudu-

han, dia didapati merogol adik kandung perempuan yang berusia 14 tahun yang mana perhubungan itu tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat dan kebiasaan yang terpakai kepada tertuduh untuk berkahwin dengannya.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira 4 petang, 6 Februari lalu di sebuah

rumah di Gemas.

Oleh demikian, tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan tidak lebih 30 tahun dan dikenakan sebat tidak kurang sepuluh sebatan jika sabit kesalahan. Pendakwaan kes di-

kendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Amirul Noor Hashimi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan jaminan sebanyak RM1,000 dengan seorang penjamin dalam kalangan ibu atau bapa saja.

Mahkamah menetapkan 27 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula

kes bagi laporan ahlak sebelum hukuman dijatuhkan.

Sementara itu, dalam kamar sama, seorang remaja lelaki berusia 16 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan merogol remaja perempuan sebaya di sebuah rumah di Gemas pada 9 pagi, 16 Februari lalu.

Dia dituduh melakukan

kesalahan mengikut Seksyen 376(i) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya sama manakala tertuduh diwakili peguam Roseli Abdul Gani.

Mahkamah membenarkan jaminan sebanyak RM2,000 dengan seorang penjamin dalam kalangan ibu atau bapa dengan syarat tambahan tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

REMAJA 17 TAHUN MENGAKU NODA ADIK KANDUNG

ABANG TERJAHAT!



Remaja mengaku rogol adik kandung

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap - April 5, 2024 @ 2:18pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan.

TAMPIN: Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas pertuduhan merogol adik kandung perempuannya di Gemas, Februari lalu.

Dia membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Kartini Kasran.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa didapati merogol adik kandung perempuan berusia 14 tahun.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh pada kira-kira jam 4 petang, 6 Februari lalu di sebuah rumah di Gemas.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan tidak melebihi 30 tahun, selain sekurang-kurangnya 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Amirul Noor Hashimi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan jaminan RM1,000 dengan seorang penjamin dalam kalangan ibu atau bapa tertuduh sahaja.

Mahkamah menetapkan 27 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes bagi laporan akhlak sebelum hukuman dijatuhkan.


Dalam kamar sama, seorang remaja lelaki berusia 16 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan merogol remaja perempuan sebaya di sebuah rumah di Gemas pada jam 9 pagi, 16 Februari lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya sama, manakala tertuduh diwakili peguam Roseli Abdul Gani.

Mahkamah membenarkan ikat jamin RM2,000 dengan seorang penjamin dalam kalangan ibu atau bapa tertuduh dengan syarat tambahan tidak boleh mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 27 Mei ini bagi sebutan semula kes.



Empat remaja lelaki dituduh lakukan jenayah seksual terhadap budak perempuan 12 tahun

Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Tampin: Empat remaja lelaki dihadapkan ke mahkamah hari ini, atas pertuduhan melakukan jenayah seksual ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di Gemas pada Februari lalu.

Pertuduhan dijalankan di mahkamah berasingan iaitu Mahkamah Majistret Tampin dan Mahkamah Sesyen Seremban.

Di Mahkamah Majistret Tampin, dua tertuduh berusia 17 dan 16 tahun membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Majistret Kartini Kasran.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh berusia 17 tahun melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh pada pada jam 11 malam, 20 Februari lalu di sebuah rumah di Gemas.

Sehubungan itu, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan boleh juga disebat, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, tertuduh berusia 16 tahun dituduh merogol kanak-kanak perempuan sama di antara jam 3 hingga 8 pagi di lokasi sama pada 21 Februari lalu.

Berikutan itu, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwa kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Amirul Noor Hashimi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudiannya membenarkan jaminan sebanyak RM1,000 terhadap setiap seorang tertuduh dengan syarat tidak mengganggu mangsa sehingga selesai kes.

Kes disebut semula pada 27 Mei ini bagi laporan akhlak sebelum hukuman dijatuhkan.

Sementara itu, di Mahkamah Sesyen Seremban, dua remaja berusia 18 dan 19 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan berasingan iaitu tuduhan amang seksual bukan fizikal dan rogol ke atas kanak-kanak perempuan sama.

Pendakwa kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Balkis Zunaidi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Hakim Datin Surita Budin menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 ke atas tertuduh berusia 18 tahun dan RM7,000 kepada seorang lagi tertuduh dan menetapkan 9 Mei bagi sebutan semula kes.